

Arahan tukar kereta galakkan kita berjimat

PENGUMUMAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, untuk menimbangkan pertukaran kereta rasmi para menteri dari jenis mahal ke yang lebih rendah, disambut baik oleh mereka yang berkenaan. Langkah itu, menurut mereka, adalah bijak dan menjimatkan. Seharusnya telah lama dilaksanakan untuk kebaikan semua pihak.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Haji Embong Yahya mengatakan:

"Bagi saya, tiadalah bezanya jika kereta rasmi itu harus ditukarkan. Yang penting, saya masih dapat meneruskan tugas dengan baik, sampai ke satu-satu tempat dengan mudah dan selamat.

"Lagi pun, dengan ini, kerajaan dapat menjimatkan sejumlah wang untuk kegunaan yang lain. Kepada rakyat, langkah ini adalah contoh yang tepat untuk menggalakkan mereka supaya tidak mudah melakukan pembaziran."

Katanya, kereta besar dan mahal kadang-kadang mencurigakan orang ramai.

"Lagi pun di negara-negara lain, banyak didapati menteri-menteri tidak berkereta besar atau mahal. Dan yang jelas, dasar kerajaan sekarang tidak mahu menunjuk-nunjuk bahawa menteri-men-

Oleh NOR AINI SULONG

teri mesti berkereta besar dan mahal. Namun pada saya, Mercedes 280SE yang mungkin digunakan oleh para menteri itu masih besar, padat dan kukuh. Ianya masih menjadi simbol 'prestige'," katanya.

Bagi Setiausaha Politik di Kementerian Perusahan Awam, Encik Saidin Tambi, penukaran kereta dari Mercedes 200 ke Volvo tidak memberi sebarang ketidaksiasaan kepadanya.

"Menukarkan kereta besar ke kecil, atau dari jenis mahal ke murah jarang berlaku. Tetapi tidaklah pula mustahil tidak boleh dilakukan. Pada saya, peruntukan kereta itu sudah cukup. Sebab, dalam menjalankan tugas, kemudahan itu sangat diperlukan. Jadi walau apa jenis pun, saya tidak kisah sangat.

"Tetapi saya tidak begitu menyokong jika

Perdana Menteri pun turut terlibat dalam pertukaran ini. Sebabnya, sebagai orang pertama dalam negara, sewajarnya dia diberi keutamaan. Termasuk dalam menggunakan motokar. Jika taukeh mampu pakai BMW misalnya, takkanlah kereta rasmi Perdana Menteri tidak layak yang berharga juga," katanya.

Sementara Setiausaha Politik Kementerian Kewangan, Haji Ibrahim Ahmad pula berpendapat, soal 'prestige' dan sebagainya bukanlah terletak pada kereta. Dan ia bukanlah soal yang besar sebab bukan ramal orang terlibat.

"Walau apa pun jenis yang diberikan, saya tidaklah kisah. Malah kalau pun harus menggunakan kereta kecil sekali pun, saya tetap tidak membantah. Makin senang masuk kampong!" katanya.